# PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

## JAWAPAN RINGKAS KEPADA PERTANYAAN BERKENAAN TAWARAN *CONVERSION* UJRAH

### A. PERMOHONAN/TAWARAN

1. Siapakah yang layak untuk menerima tawaran Ujrah 1%?

   **Jawapan** : Tawaran perubahan pinjaman sedia ada (3%) kepada pembiayaan Ujrah 1% layak diterima oleh peminjam-peminjam sedia ada yang masih mempunyai baki pinjaman PTPTN pada 1 Jun 2008 kecuali bagi kes-kes berikut :

   i. Telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dan undang-undang
   ii. Peminjam yang telah melanggar perjanjian pinjaman terdahulu – (batal pinjaman, gagal pengajian, berhenti pengajian dan mendapat penaja lain)

2. Saya masih belajar dan masih menerima pengeluaran pinjaman PTPTN. Bilakah saya boleh menerima tawaran Ujrah?

   **Jawapan** : Anda akan ditawarkan Ujrah sebaik tamat pengajian.

3. Saya mempunyai baki WPP sahaja. Adakah saya layak untuk memohon?

   **Jawapan** : Anda tidak layak untuk ditawarkan Ujrah.

4. Apakah tindakan yang perlu diambil bagi membolehkan saya mendapat tawaran Ujrah?

   **Jawapan** : Peminjam perlu mengambil langkah-langkah berikut :
   i. Membuat pendaftaran melalui laman web PTPTN (www.ptptn.gov.my) dengan menggunakan no kad pengenalan dan memasukkan alamat e-mel peminjam;
   ii. Mengemas kini maklumat yang diperlukan melalui *link* yang dihantar ke alamat e-mel peminjam yang didaftarkan;
   iii. Mencetak dan menandatangan dokumen tawaran yang dihantar ke alamat e-mel peminjam; dan
   iv. Menghantar dokumen tawaran yang lengkap (sila rujuk panduan pengisian) kepada PTPTN dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tawaran

5. Bilakah peminjam boleh mula membuat pendaftaran dan pengemaskinian maklumat?

   **Jawapan** : Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat oleh peminjam mengikut tahun kelulusan pinjaman seperti jadual berikut :

| **Tahun Kelulusan Pinjaman** | **T**<br>**Tarikh Mula Kemaskini** |
|---|---|
| 2006, 2007 dan 2008 | 20 September 2010 |
| 2003, 2004 dan 2005 | 1 November 2010 |
| 2002 dan tahun-tahun sebelumnya | 1 Disember 2010 |

6. Bilakah PTPTN akan mengeluarkan dokumen tawaran Ujrah?

   **Jawapan** : Dokumen tawaran akan dikeluarkan pada 10hb setiap bulan. Bagi peminjam yang telah mendaftar dan mengemas kini pada bulan semasa, dokumen tawaran akan dikeluarkan pada 10hb bulan yang berikutnya.

7. Apakah asas penawaran Ujrah?

   **Jawapan** : Asas yang digunakan adalah seperti berikut :
   - i. Jumlah pembiayaan : Berdasarkan jumlah baki hutang pada 1 Jun 2008
   - ii. Tarikh kuatkuasa : 1 Jun 2008
   - iii. Tempoh bayaran balik baru : Baki tempoh bayaran balik pada 1 Jun 2008 berdasarkan pinjaman asal

8. Apakah yang dimaksudkan dengan baki hutang pada 1 Jun 2008?

   **Jawapan** : Baki hutang pada 1 Jun 2008 bermaksud jumlah prinsipal dan juga kos pentadbiran yang masih belum dijelaskan, mengambil kira semua bayaran balik yang telah dibuat sebelum 1 Jun 2008.

9. Bagaimanakah Ujrah dikira?

   **Jawapan** : Jumlah Ujrah = Jumlah Pembiayaan Pokok x Kadar Ujrah (1%) x tempoh bayaran balik (tahun)

10. Saya telah cuba mendaftar mengikut jadual yang telah ditetapkan tetapi telah diminta mengemaskini maklumat selepas 1 Januari 2011.

    **Jawapan** : Semakan terperinci perlu dibuat ke atas akaun pinjaman sedia ada anda bagi mengelakkan kesilapan tawaran. Walau bagaimanapun tawaran yang akan diberikan masih berkuatkkuasa pada 1 Jun 2008.

## B. BAYARAN BALIK/PENGUATKUASAAN

1. Saya telah diluluskan penangguhan bayaran balik, adakah saya layak menerima tawaran Ujrah?

   **Jawapan** : Peminjam yang telah diluluskan penangguhan layak menerima tawaran Ujrah.

2. Setelah Ujrah ditawarkan, saya masih tidak mampu membuat pembayaran balik. Adakah saya boleh membuat penangguhan sekali lagi?

   **Jawapan** : Peminjam boleh mengemukakan permohonan penangguhan. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan penangguhan tertakluk kepada budi bicara PTPTN.

3. Saya telah dikenakan tindakan penguatkuasaan tetapi masih belum dikenakan tindakan mahkamah, adakah saya layak untuk memohon dan menerima tawaran ini?

   **Jawapan** : Peminjam layak untuk menerima tawaran Ujrah ini selepas menjelaskan tunggakan dan sebarang kos penguatkuasaan yang telah dikenakan kepada peminjam. Bagi membolehkan tawaran dibuat, peminjam perlu memaklumkan kepada PTPTN selepas pembayaran dibuat.

4. Perlukah saya meneruskan bayaran balik sepanjang tempoh proses penawaran Ujrah ini?

   **Jawapan** : Peminjam adalah dikehendaki untuk terus membuat pembayaran balik. Sebarang pembayaran balik akan diselaraskan ke akaun pembiayaan Ujrah.

5. Saya telah pun mula membuat bayaran balik secara potongan gaji melalui LHDN. Apa yang akan berlaku kepada potongan gaji saya?

   **Jawapan** : PTPTN akan membuat pindaan amaun potongan gaji dengan pihak LHDN. Maklumat berkenaan akan juga diberikan salinan kepada majikan dan juga peminjam.

## C. LEJAR/PENYATA

1. Bilakah akaun pinjaman peminjam dikemas kini?

   **Jawapan** : Akaun pinjaman peminjam akan dikemas kini selepas dokumen tawaran diterima dan diproses oleh PTPTN.

2. Apa yang berlaku apabila pengemaskinian dibuat?

   **Jawapan** : Akaun pinjaman yang lama akan diselaraskan ke akaun pembiayaan.

3. Apa berlaku kepada bayaran balik yang dibuat selepas 1 Jun 2008?

   **Jawapan** : Bayaran balik yang telah diterima selepas 1 Jun 2008 akan diselaraskan dengan jadual bayaran balik pembiayaan, dengan mengambil kira jumlah Ujrah (upah) sepatutnya dan kos pentadbiran yang telah dikenakan bagi tempoh 1 Jun 2008 sehingga tarikh semasa. Sebarang lebihan akan digunakan untuk menyelesaikan ansuran bulanan ke hadapan.